

'Kepincangan Islam kerana benci, fitnah

JM 3 1 JAN 2014

KUALA LUMPUR 30 Jan. — Kepincangan dalam masyarakat Islam termasuk kejadian rogol dan bunuh ke atas kanak-kanak sukar dikawal jika nilai-nilai bukan Islam seperti benci-membenci, bermusuhan-musuhan dan fitnah terus ditanam ke dalam jiwa mereka, kata bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, terdapat orang Islam di negara ini yang sejak kecil ditanam dengan sifat-sifat negatif yang mana apabila dewasa mereka gagal mengawal perasaan dan mudah terlibat dengan jenayah.

"Tidak hairanlah, jika hari ini kepincangan dalam masyarakat Islam sukar dikawal. Sebabnya ialah ajaran Islam tidakpun diajar, jauh sekali daripada diamalkan," katanya selepas menerima anugerah Ijazah Kehormat, Doktor Pemikiran Islam oleh Universiti Malaya (UM) di sini hari ini.

Anugerah itu telah disampaikan oleh Canselor UM, Sultan Azlan Shah.

Dr. Mahathir berkata, sejak dari kecil anak-anak orang Islam diajar pelbagai perkara negatif seperti fitnah dan bermusuhan.

"Kepincangan yang terdapat dalam masyarakat Islam seperti jenayah, penipuan, rasuah, penyalahgunaan dadah, rogol termasuk merogol dan membunuh kanak-kanak bukan kerana ajaran Islam.

Menyemai

"Yang perlu disoal sia-sat ialah apakah kita menyampaikan ajaran Islam dan menyemai nilai-nilai Islam sebenar di kalangan anak-anak kita.

"Tidak mungkin seorang yang kuat pegangan kepada ajaran Islam kerana dididik sejak kecil akan melakukan jenayah, tidak bersopan, suka memaki hamun, tidak menghormati orang lain terutama yang lebih tua, ibu ba-

pa dan ketua masyarakat," katanya.

Beliau berkata, keutamaan dalam pelajaran agama Islam ialah farduin sahaja, manakala fardukifayah terhad kepada amalan asas seperti urusan kematian sahaja.

"Berdisiplin, mengelak perasaan benci membenci, menghormati ibu bapa, orang tua dan pemimpin yang berkuasa, tidak mencetuskan kekacauan dan huru hara - semua nilai-nilai ini tidak dijelaskan dan ditekankan semasa mendidik anak-anak Islam," katanya.

Bagaimanapun, kata Dr. Mahathir, semua ajaran baik dalam Islam itu diketepikan dan diganti dengan tafsiran dan ajaran negatif.

Katanya, jika Islam ditafsir dengan tepat, umatnya pasti akan berjaya dan dihormati serta tidak dikaitkan dengan kegagalan dan keganasan.

Justeru, kata beliau, adalah penting kajian yang mendalam dan s&a-

ra ilmiah dibuat berkenaan tafsiran-tafsiran berbeza dan mengelirukan hingga melemahkan umat Islam.

Katanya, menolak tafsiran tidak bermakna menolak agama Islam kerana ia terdapat pelbagai

tafsiran yang telah ditolak oleh umat Islam kerana mereka hanya menerima tafsiran yang dibuat oleh mereka sahaja.

Menurut beliau, jika menolak tafsiran boleh menyebabkan seseorang itu murtad maka semua

orang Sunni dan Syiah adalah murtad kerana kedua-duanya saling menolak tafsiran yang dibuat oleh pihak yang satu lagi.

"Jika tafsiran yang berbeza-beza yang menghalang nikmat Allah dari-

pada dinikmati oleh umat Islam dikaji semula dan ditentukan ketepatan tafsiran ini, maka besar kemungkinan perpecahan di kalangan umat Islam diatasi dan malapetaka dapat dielak atau dikurangkan," ujarnya.